

PENGGUNAAN LAMAN WEB DI DALAM PROSES  
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SUBJEK PELANCONGAN  
REKREASI (H310) : SATU TINJAUAN DI KALANGAN PELAJAR  
PENGURUSAN PELANCONGAN, POLITEKNIK JOHOR BARU



MALISA BINTI OTHMAN

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KUi TTHO



3 0000 00078510 9



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI  
TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS ♦

JUDUL : PENGGUNAAN LAMAN WEB DI DALAM PROSES PENGAJARAN  
DAN PEMBELAJARAN SUBJEK PELANCONGAN REKREASI (H310) :  
SATU TINJAUAN DI KALANGAN PELAJAR PENGURUSAN  
PELANCONGAN, POLITEKNIK JOHOR BAHRU.

SESSI PENGAJIAN : 2002/2003

Saya MALISA BINTI OTHMAN (751205-06-5260)  
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (~~PSM/Sarjana/Doktor-Falsafah~~) ini disimpan di **Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn** dengan syarat-syarat seperti berikut :-

1. Tesis adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran di antara institusi pengajian tinggi
4. \*\*Sila tandakan ( √ )

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh :

  
(TANDATANGAN PENULIS)

  
(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap : LOT 2, KAMPUNG LUBUK PUYU

BATU 7, JALAN GAMBANG

PN. ANIKA ZAFIAH BT. MUHD RUS

25150 KUANTAN, PAHANG

Tarikh : 23 SEPTEMBER 2002

Tarikh : 23 SEPTEMBER 2002


CATATAN

- \* Potong yang tidak berkenaan
- \*\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD
- ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM)

### Pengesahan Penyelia

"Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan Teknik & Vokasional".



Tandatangan :   
Nama Penyelia : Pn. Anika Zafiah Bt. Mohd Rus  
Tarikh : 23 SEPTEMBER 2002

PTTA ALITHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**PENGGUNAAN LAMAN WEB DI DALAM PROSES PENGAJARAN DAN  
PEMBELAJARAN SUBJEK PELANCONGAN REKREASI (H310) : SATU  
TINJAUAN DI KALANGAN PELAJAR PENGURUSAN PELANCONGAN,  
POLITEKNIK JOHOR BAHRU**

**MALISA BINTI OTHMAN**

**Laporan Projek Sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi  
sebahagian daripada syarat penganugerahan  
ijazah Sarjana Pendidikan (Teknik & Vokasional)**



**PTTAUTHM**  
**PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH**

**Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

**SEPTEMBER 2002**

"Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya".

Tandatangan :   
Nama Penulis : MALISA BINTI OTHMAN  
Tarikh : 23 SEPTEMBER 2002



PTT ALITHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

*Teristimewa buat Abah dan Mak tersayang....*

*Juga buat Abang, Kakak dan Adik-adik yang dikasihi.....*

*dan teristimewa buat Tunang tercinta.....*

*Terima kasih atas bimbingan kalian*



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat saya menyempurnakan projek ini pada masa yang telah ditetapkan.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pn. Anika Zafiah Bt. Muhd Rus, selaku penyelia projek kerana telah banyak memberikan panduan dan bimbingan dalam menyiapkan projek ini.

Ucapan terima kasih juga kepada En. Kamal Ali, pensyarah subjek Pelancongan Rekreasi (H310) di Politeknik Johor Bahru yang telah banyak membantu di dalam menyempurnakan projek ini. Juga kepada semua responden yang telah memberikan kerjasama dan bantuan dalam mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan untuk penghasilan projek ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menjayakan projek ini. Jasa kalian semua amat saya hargai.

Harapan saya, semoga projek yang dilakukan ini dapat memberikan manfaat kepada semua pihak. Insyaallah.

Sekian, terima kasih. Wassalam.



## ABSTRAK

Kajian ini dijalankan adalah untuk meninjau penggunaan laman web di dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek Pelancongan Rekreasi (H310) di kalangan pelajar Pengurusan Pelancongan, Politeknik Johor Bahru. Fokus utama kajian merangkumi kecukupan isi kandungan laman web, laman web yang menarik, masalah yang dihadapi dan juga penggunaan laman web membantu meningkatkan proses pembelajaran. Kajian ini melibatkan seramai 58 orang responden yang terdiri daripada pelajar Pengurusan Pelancongan yang mengambil subjek Pelancongan Rekreasi (H310) di Politeknik Johor Bahru. Analisis data dibuat dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Sciences*). Hasil kajian mendapati bahawa maklumbalas positif telah diberikan oleh responden terhadap faktor-faktor yang dikaji. Kajian ini juga mendapati terdapatnya beberapa masalah yang dihadapi di dalam proses penggunaan laman web ini. Beberapa cadangan juga turut dikemukakan bagi mempertingkatkan lagi tahap penggunaan laman web ini di dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek Pelancongan Rekreasi (H310) di kalangan pelajar dan juga pensyarah.



## ABSTRACT

The purpose of this study is to examine the using of web page in learning process among Tourism Management students who undergo Recreational Tourism (H310) subject at Polytechnic Johor Bahru. The main focus of this study involves the content of web page, interesting web page, problem faced by the students and also the using of web page that will help to increased the learning process. A sample of 58 Tourism Management students who undergo Recreational Tourism (H310) subject at Polytechnic Johor Bahru has been taken. Data analysis was done by using SPSS software (*Statistical Package for Social Sciences*). The results showed that most of the students give positive respond towards all the factors. Research also found that there were few problems faced by the student in their process to use this web page. There were also few suggestions given to improve the level of using this web page in learning process for Recreational Tourism (H310) subject among students and lecturers.



PERPUSTAKAAN TUNKU TILIN AMINAH

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	PENGESAHAN KAJIAN KES	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	HALAMAN PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	HALAMAN KANDUNGAN	vii
	HALAMAN SENARAI JADUAL	xii
	HALAMAN SENARAI RAJAH	xiv
	HALAMAN SENARAI LAMPIRAN	xv
 <b>BAB I</b>	 <b>Pengenalan</b>	 <b>1</b>
	1.0 Pendahuluan	1
	1.1 Latar Belakang Masalah	3



1.2	Penyataan Masalah	4
1.3	Persoalan Kajian	5
1.4	Objektif Kajian	6
1.5	Kepentingan Kajian	6
1.6	Skop Kajian	7
1.7	Batasan Kajian	7
1.8	Definisi Istilah	7
1.8.1	Laman Web	8
1.8.2	Pengajaran	8
1.8.3	Pembelajaran	8
1.8.4	Subjek Pelancongan Rekreasi	9

## **BAB II SOROTAN KAJIAN 10**

2.0	Pengenalan	10
2.1	Pembelajaran Melalui Web	10
2.2	Definisi Pembelajaran Melalui Web	13
2.3	Model Persekitaran Pembelajaran Melalui Web	14
2.3.1	Model Oleh Duchastel (1997)	14
2.4	Penggunaan Web Sebagai Medium Pengajaran dan Pembelajaran	16
2.5	Kelebihan Web Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran	19



<b>BAB III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>22</b>
	3.0 Pengenalan	22
	3.1 Rekabentuk Kajian	22
	3.2 Sumber Data	23
	3.3 Instrumentasi	24
	3.3.1 Kajian Rintis	26
	3.3.2 Kebolehpercayaan	27
	3.4 Kaedah Mengumpul Data	28
	3.5 Kaedah Analisis Data	28
	3.6 Andaian Pengkaji	30
<b>BAB IV</b>	<b>REKABENTUK DAN PENILAIAN PRODUK</b>	<b>31</b>
	4.0 Pengenalan	31
	4.1 Rekabentuk Struktur Pedagogi	31
	4.2 Model Persekitaran Pembelajaran Melalui Web	32
	4.3 Rekabentuk Prototaip Laman Web Subjek	35
	Pelancongan Rekreasi	
	4.3.1 Struktur dan Persembahan Prototaip	36
	Laman Web	
	4.3.2 Bahan dan Masa Pembinaan Prototaip	40
	Laman Web	
	4.4 Penilaian Produk	41



4.4.1	Penilaian dan Pembinaan Instrumen	41
4.4.2	Pemilihan Sampel Kajian	42
4.4.3	Fokus Penilaian	43
<b>BAB V</b>	<b>DAPATAN DAN TEMUAN KAJIAN</b>	<b>46</b>
5.0	Pengenalan	46
5.1	Hasil Kajian Rintis	47
5.2	Kebolehpercayaan Instrumen	48
5.3	Analisis Data dan Dapatan Kajian	49
5.3.1	Latar Belakang Responden	49
5.3.2	Analisis Item dan Perbincangan	54
	Bahagian II (A)	
5.3.3	Analisis Item dan Perbincangan	59
	Bahagian II (B)	
5.3.4	Analisis Item dan Perbincangan	62
	Bahagian II (C)	
5.3.5	Analisis Item dan Perbincangan	65
	Bahagian II (D)	
5.4	Kesimpulan	68



<b>BAB VI</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	<b>69</b>
6.0	Pengenalan	69
6.1	Kesimpulan	69
6.2	Cadangan	72
6.2.1	Cadangan Hasil Kajian	72
6.2.2	Cadangan Penyelidikan Akan Datang	74
<b>RUJUKAN</b>		<b>75</b>

**LAMPIRAN**

79



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI JADUAL**

<b>NO. JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
3.1	Jadual Skala Likert	26
3.2	Contoh Penganalisaan Item Bahagian I	29
3.3	Contoh Penganalisaan Item Bahagian II	29
4.1	Aspek-Aspek Penilaian Produk	44
5.1	Nilai Koefisien Kebolehpercayaan	47
5.2	Ringkasan Hasil Analisis Koefisien Kebolehpercayaan Kajian Rintis	48
5.3	Ringkasan Hasil Analisis Koefisien Kebolehpercayaan Kajian Sebenar	49
5.4	Taburan Responden Mengikut Jantina	49



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



<b>NO. JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
5.5	Taburan Responden Mengikut Umur	50
5.6	Taburan Responden Mengikut Keturunan	52
5.7	Taburan Responden Mengikut Tahap Penguasaan IT	53
5.8	Pengiraan Skala Skor Min Bagi Bahagian II (A)	55
5.9	Skor Min Bagi Bahagian II (A) - Isi Kandungan Web	56
5.10	Pengiraan Skala Skor Min Bagi Bahagian II (B)	59
5.11	Skor Min Bagi Bahagian II (B) - Menarik Perhatian	60
5.12	Pengiraan Skala Skor Min Bagi Bahagian II (C)	62
5.13	Skor Min Bagi Bahagian II (C) - Masalah	63
5.14	Pengiraan Skala Skor Min Bagi Bahagian II (D)	65
5.15	Skor Min Bagi Bahagian II (C) - Membantu Proses Pengajaran dan Pembelajaran	66



PTTAUTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
2.1	Elemen Dalam Persekitaran Pembelajaran Web Yang Berkesan	20
4.1	Infostruktur Prototaip Laman Web	37
4.2	Contoh Rekabentuk Muka Depan Prototaip Laman Web	38
5.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	50
5.2	Taburan Responden Mengikut Umur	51
5.3	Taburan Responden Mengikut Keturunan	52
5.4	Taburan Responden Mengikut Tahap Penguasaan IT	53



PTTAUTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	79
B	Keputusan Alpha Cronbach - Kajian Rintis	84
C	Keputusan Alpha Cronbach - Kajian Sebenar	86
D	Diskriptif Min	90
E	Contoh-contoh Halaman Prototaip Laman Web	92



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## BAB I

### Pengenalan

#### 1.0 Pendahuluan

Sejajar dengan perkembangan pesat teknologi maklumat, kita semua sedang melangkah ke era maklumat atau "*information technology*" (IT). Oleh itu rata-rata masyarakat mahupun pelajar amat bergantung kepada infrastruktur berkenaan tanpa mengira apa jua bidang sama ada pengurusan, perniagaan, pengiklanan, pendidikan dan sebagainya.

Persaingan masyarakat dunia yang lebih hebat dalam abad ke-21 dan perubahan daripada era masyarakat industri (*industrial society*) kepada era masyarakat bermaklumat (*information society*) menimbulkan cabaran baru kepada institusi pendidikan. Beberapa perubahan dalam pendekatan proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Di antaranya ialah perubahan fokus daripada pengajaran yang berpusatkan guru kepada pembelajaran yang berpusatkan pelajar. Dalam hal ini pelajar menjadi fokus kepada aktiviti pembelajaran yang berorientasikan kepada proses penerokaan dan penemuan berdasarkan kepada pendekatan teori konstruktivisme.

Kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (*information and communication technology* atau ICT) seterusnya telah meningkatkan penggunaan Internet, laman web (*web page*) dan jaringan (*networking*) dalam pendidikan. Perkembangan baru ini telah

mewujudkan persekitaran pembelajaran baru yang lebih fleksibel dari segi masa, tempat, kaedah dan bahan pembelajaran, di samping mewujudkan lebih peluang untuk proses kolaborasi yang lebih meluas dalam proses pendidikan (Nunan, 1996; Jafari, 1999).

Aspek teknologi telah digabungkan dalam kurikulum sekolah sebagai satu daya usaha ke arah menyemai dan memupuk minat serta sikap yang positif terhadap perkembangan teknologi. Budaya persekolahan seharusnya diubah daripada sesuatu yang berdasarkan memori kepada yang berpengetahuan, berpemikiran, kreatif dan penyayang dengan menggunakan teknologi terkini ( Kementerian Pendidikan Malaysia, 1997 ).

Pembelajaran melalui laman web merupakan suatu bentuk pembelajaran berasaskan hiperteks dan hipermedia yang digabungkan sebagai suatu sumber di dalam medium web untuk menghasilkan pembelajaran yang efektif dan efisien. Ia bertujuan memudahkan penghantaran bahan pembelajaran kepada pelajar tanpa terikat kepada faktor seperti masa dan tempat. Tujuan pembelajaran melalui laman web boleh tercapai disebabkan bahan pembelajaran ini disampaikan kepada individu melalui rangkaian komputer dan dipaparkan melalui pelayar web. Pembelajaran secara talian terus ini memberi kemudahan di mana bahan pembelajaran yang disimpan di dalam komputer pelayan sentiasa boleh dikemaskini, diakses oleh komputer pelanggan dan isi kandungannya dikawal oleh pembangun.

Dengan kemudahan seperti ini, sejauhmanakah keberkesanan penggunaan laman web dalam usaha mempertingkatkan proses pembelajaran. Hasil kajian mendapati bahawa ramai penyelidik yang terlibat dalam menjalankan kajian ke atas keberkesanan penggunaan laman web mendapati bahawa penggunaan laman web bagi tujuan pembelajaran adalah efektif dan efisien (Baharuddin Aris *et.al.*, 2000). Akibatnya, penggunaan laman web sebagai medium pembelajaran amat luas digunakan. Terdapat beberapa laman web yang dibina khas untuk tujuan pembelajaran di merata dunia.



Laman web seperti “Cyberdidik”, “World Lecture Hall” dan “Blackboard” memaparkan bahan pengajaran dan pembelajaran.

### 1.1 Latar Belakang Masalah

Pembelajaran yang biasa adalah melibatkan pengalaman membangunkan konsep melalui aktiviti dalam bilik darjah dan sewaktu melakukan eksperimen dalam makmal (Squires, 1987). Dalam situasi pembelajaran seperti ini, pelajar tidak berpeluang untuk menguji idea dan mengembangkan konsep kerana kebanyakan aktiviti pembelajaran telah distrukturkan oleh guru dan mereka menjadi individu yang pasif.

Perubahan yang besar dalam proses pengajaran dan pembelajaran dari pendidikan konvensional kepada pendidikan berasaskan maklumat telah mempengaruhi corak dan teknik pembelajaran dan pengajaran di institusi pengajian tinggi. Kaedah konvensional seperti penyampaian berpusatkan pelajar, penggunaan media penyampaian maklumat atau bahan bantu mengajar ( seperti kertas, kapur, papan hitam dan sebagainya) sudah dianggap tidak praktikal lagi di zaman siber ini

Kemajuan teknologi maklumat seterusnya telah menyebabkan meningkatnya penggunaan laman web dan internet untuk tujuan pendidikan. Struktur maklumat dalam laman web yang berdasarkan kepada kaedah hiperteks dan hipermedia yang mengandungi berbagai maklumat dalam bentuk teks, grafik, animasi, audio dan video dihubungkan dan dipersembahkan dalam bentuk yang tidak linear (Boone dan Higgin, 1991).



PTA UNIVERSITI  
PERPUSTAKAAN TUNJUKKAN AMINAH

Berdasarkan beberapa kenyataan tersebut di atas telah mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian terhadap penggunaan laman web sebagai medium untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran bagi subjek Pelancongan Rekreasi (H310).

## 1.2 Penyataan Masalah

Merujuk kepada Baharuddin Aris *et.al.* (2000), bahawa dengan kreativiti dan pengetahuan serta kemahiran komputer, guru boleh menyediakan laman webnya sendiri. Halaman web sebagai bahan bantu mengajar boleh membantu guru dalam sekolah bestari kelak. Menurutnya lagi, dalam halaman web itu, isi pelajaran bukan sahaja boleh dicapai semasa dalam kelas malah selepas kelas. Ini bermakna pelajar boleh membuat ulangkaji walaupun tanpa kehadiran guru. Ini memberi peluang kepada pelajar yang tidak boleh mengikuti kelas seperti demam, bercuti dan sebagainya terus seiring dengan pelajar yang mengikuti kelas.

Penggunaan media dari bahan-bahan kertas atau cetakan seperti buku-buku, monograf, nota-nota kuliah ringkas dan lain-lain, masih diamalkan di dalam dunia pendidikan negara kita sedikit sebanyak telah menimbulkan beberapa masalah di mana permasalahan ini turut melibatkan kedua-dua belah pihak iaitu pendidik dan juga pelajar. (Masreta Mohd Basri, 2001). Antaranya permasalahannya yang dapat kita lihat ialah :-

1. Pengurusan dan penyediaan nota yang tidak teratur oleh pensyarah politeknik
2. Kelemahan pelajar mengemaskinikan nota-nota yang diberi oleh pensyarah secara berperingkat-peringkat.
3. Bebanan membawa nota yang banyak ke kuliah

4. Ruang penyimpanan (rak-rak buku yang banyak dan kurang strategik cara penyimpanannya) berbanding sesuatu maklumat atau bahan-bahan ilmiah yang disimpan dalam bentuk pangkalan data (*data base*)
5. Penerimaan era teknologi maklumat dan multimedia ini ke dalam minda para pelajar

Para pensyarah adalah dipertanggungjawabkan bagi menyelesaikan permasalahan ini untuk kemudahan dalam sistem pengajaran dan pembelajaran. Bertitik tolak dari permasalahan yang timbulah para pensyarah perlu mendedahkan para pelajar mereka kepada penggunaan laman web yang dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran yang hendak dijalankan.

### 1.3 Soalan Kajian

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk menjawab beberapa persoalan seperti berikut :-

1. Adakah isi kandungan laman web mencukupi untuk tujuan pembelajaran pelajar?
2. Adakah laman web yang digunakan ini dapat menarik minat pelajar?
3. Apakah masalah yang dihadapi ketika menggunakan laman web ini bagi tujuan pembelajaran?
4. Adakah laman web yang digunakan dapat membantu meningkatkan lagi proses pembelajaran pelajar?



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNJUKKAN AMINAH



#### 1.4 Objektif Kajian

Objektif dalam kajian ini adalah seperti berikut :-

1. Meninjau kecukupan isi kandungan laman web yang digunakan bagi tujuan pembelajaran pelajar.
2. Meninjau sama ada laman web yang digunakan dapat menarik minat pelajar terhadap subjek tersebut.
3. Mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pelajar ketika mereka menggunakan laman web ini bagi tujuan pembelajaran.
4. Meninjau sama ada laman web yang digunakan dapat membantu meningkatkan lagi proses pembelajaran pelajar.

#### 1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting sebagai suatu langkah bagi mencetuskan idea para intelektual untuk mengubah kaedah pengajaran dan pembelajaran di politeknik yang sedia ada diamalkan pada masa ini kepada sistem pengajaran dan pembelajaran yang berkonsepkan teknologi maklumat dan multimedia.

Di sini para pelajar juga turut mendapat manfaat di mana proses pembelajaran mereka akan menjadi lebih menarik dan mudah dengan penggunaan laman web tersebut. Segala nota dan tugas dapat mereka perolehi dengan hanya mengakses ke laman web yang telah disediakan.

## 1.6 Skop Kajian

Kajian yang dijalankan ini tertumpu kepada para pelajar Pengurusan Pelancongan di Jabatan Hospitaliti dan Fesyen Politeknik Johor Bahru yang mengambil subjek Pelancongan Rekreasi H310. Pelajar tersebut adalah seramai 65 orang.

## 1.7 Batasan Kajian

1. Isi kandungan laman web yang dihasilkan ini adalah merupakan satu prototaip sahaja, maka hanya satu bab sahaja yang diambil dan disediakan nota yang lengkap dan boleh dihiperrangkai.
2. Kajian ini hanya terhad kepada pelajar Pengurusan Pelancongan di Politeknik Johor Bahru sahaja yang mengambil subjek Pelancongan Rekreasi (H310).
3. Sebarang kemungkinan pelajar memberikan maklumat yang tidak tepat semasa proses soal selidik boleh mempengaruhi ketepatan fakta dan analisis yang dibuat.

## 1.8 Definisi Istilah

Terdapat beberapa istilah yang perlu penjelasan yang lebih lanjut bagi memahami tujuhal kajian ini. Antaranya ialah :-

### 1.8.1 Laman Web

Laman web merupakan salah satu tapak *Uniform Resource Locator* atau URL iaitu sistem yang membentuk keseragaman rangkaian dalam internet. Penggunaannya untuk memudahkan para pengguna mencapai sesuatu maklumat agar lebih cepat, pantas dan mudah. Laman web di dalam kajian ini merujuk kepada laman yang mengandungi maklumat tentang subjek Pelancongan dan Rekreasi (H310). Antara maklumat yang terdapat di dalam laman web ini adalah seperti nota dan tugas bagi subjek tersebut.

### 1.8.2 Pengajaran

Pengajaran merupakan proses pemilihan pasti (*overt selection*) dan susunan mengenai maklumat, aktiviti, pendekatan dan media untuk membantu pelajar mengenalpasti matlamat pembelajaran. (Baharuddin Aris *et.al*, 2000)

### 1.8.3 Pembelajaran

Pembelajaran adakah keupayaan seseorang berubah dari tidak boleh melakukan sesuatu perbuatan kepada boleh melakukannya. Pembelajaran juga boleh dikatakan sebagai satu keputusan daripada pengalaman atau interaksi dengan persekitaran yang akan meningkatkan tahap *enduring* (ketahanan) seseorang dalam menempuh kehidupan. (Baharuddin Aris *et.al.*, 2000)

#### 1.8.4 Subjek Pelancongan Rekreasi

Subjek ini merupakan satu subjek yang wajib di ambil oleh para pelajar Pengurusan Pelancongan di bawah Jabatan Hospitaliti dan Fesyen, politeknik-politeknik Malaysia. Subjek ini mendedahkan pelajar kepada perancangan, pengurusan dan aspek teknikal dalam aktiviti rekreasi. Subjek ini juga menyediakan pelbagai pengalaman kepada pelajar. Lawatan dan latihan rekreasi turut disertakan dalam kursus ini.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## **BAB II**

### **SOROTAN KAJIAN**

#### **2.0 Pengenalan**

Penggunaan teknologi komputer dalam bidang pendidikan bukanlah sesuatu yang baru, malah telah lama diperkenalkan di negara-negara maju seperti Amerika dan Eropah sejak awal tahun 60 an lagi. Malaysia tidak ketinggalan dalam menikmati arus pembangunan yang berasaskan komputer ini. Dalam konteks pendidikan, ia bukan hanya mampu membantu tugas-tugas pengurusan dan pentadbiran, tetapi berpotensi sebagai alat untuk mengayak lagi persekitaran pengajaran dan pembelajaran bagi hampir semua mata pelajaran. Penciptaan mikro komputer pada awal tahun 70 an telah memberi kesan yang mendalam kepada penggunaan teknologi tersebut dalam bidang pendidikan di Malaysia.

#### **2.1 Pembelajaran Melalui Web**

Penggunaan halaman web dalam pendidikan memberikan peluang kepada pendidik menyampaikan dan menerbitkan bahan pengajaran secara talian terus. Selain daripada itu, penggunaan web dalam pendidikan memberikan sumber maklumat tanpa sempadan kepada pendidik.

Menurut Crossman (1997), internet mempunyai ciri yang pelbagai dan unik. Menurut beliau sumber maklumat yang terdapat dalam internet mempunyai kapasiti yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan sebuah perpustakaan yang besar. Dengan hanya menggunakan enjin pencarian, segala maklumat dapat dicapai dalam hanya beberapa minit sahaja.

Peranan internet bukan hanya sebagai penyampai maklumat tetapi juga merupakan alat pengajaran dan pembelajaran. Baharuddin Aris *et.al.* (2000) ada menyenaraikan beberapa ciri istimewa yang terdapat dalam internet sebagai alat pengajaran dan pembelajaran iaitu ianya bersifat terarah sendiri dan pembelajaran boleh dijalankan pada bila-bila masa tanpa terikat kepada faktor masa.

Selain daripada itu, internet juga bersifat terarah sendiri dalam mencapai ilmu pengetahuan dan hipermedia, mewujudkan kemahiran kognitif dalam memproses maklumat serta kemahiran penyelesaian masalah secara kreatif ini boleh dilakukan dengan penggunaan teknologi internet seperti multimedia, hipermedia dan web serta penggunaan komputer sebagai penghantar komunikasi.

Ciri web yang unik juga memberikan kelebihan berbanding dengan pengajaran di dalam kelas tradisional. Menurut Rellan dan Gilani (1997) yang dipetik oleh Baharuddin Aris *et.al.* (2000), terdapat beberapa perbezaan yang ketara di antara kelas tradisional dan pembelajaran melalui web iaitu faktor ruang dan sempadan yang tiada batasan serta menjadikan proses pembelajaran jarak jauh lebih berkesan dan efektif.

Di samping itu, pembelajaran melalui web juga memberikan kawalan pengguna yang tinggi melalui penggunaan hiperteks dan hipermedia, sumber maklumat yang tidak terhingga serta menghasilkan persekitaran pembelajaran yang bercirikan dunia sebenar.



PTTAUHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Menurut Baharuddin Aris *et.al.* (2000) ciri istimewa yang terdapat pada web juga dapat menjadikannya persekitaran pembelajaran yang mantap dan berkesan. Ini disebabkan kerana internet dapat memberikan kemudahan mengakses maklumat dengan cepat pada bila-bila masa dan mengujudkan proses penjelajahan melalui sistem hipermedia dan hiperteks (Hedberg Brown dan Arighi, 1997, dipetik di dalam Baharuddin Aris *et.al.* (2000)). Di samping itu, ia juga dapat menyumbangkan interaktiviti yang tinggi dan kawalan pengguna yang baik.

Kepentingan utama pembelajaran melalui web adalah program pendidikan jarak jauh. Menurut Willis dan Dickinson (1997) di dalam Baharuddin Aris *et.al.* (2000), internet dapat memberikan kemudahan seperti mengujudkan aktiviti yang interaktif antara guru dan pelajar serta antara pelajar dan guru dalam pendidikan jarak jauh. Ini merangkumi interaksi antara pelajar, penilai prestasi melalui web, mengujudkan aktiviti kolaborasi dan pengurusan serta pemasaran program.

Selain daripada itu, peranan web bukan hanya menyampaikan maklumat tetapi berperanan sebagai agen motivasi kepada pelajar. Ini adalah kerana reka bentuk kursus yang ingin disampaikan melalui web boleh mempengaruhi motivasi pelajar. Reka bentuk kursus yang disampaikan seharusnya mempunyai kepelbagaian, berkaitan dengan matlamat, mencabar dan memberikan hasil yang positif kepada pelajar.

Sherry dan Wilson (1997) di dalam Baharuddin Aris *et.al.* (2000), berpendapat pembelajaran melalui web akan menjadikan suatu perubahan paradigma kepada komunikasi antara guru dengan pelajar dan pelajar dengan pelajar. Komunikasi yang wujud mungkin tidak sama seperti di dalam kelas tradisional tetapi ianya berlaku dalam persekitaran web.

Persekitaran pembelajaran melalui web juga harus mengandungi sumber maklumat yang pelbagai, menyokong kerjasama antara pelajar dan menjalankan aktiviti web sebagai salah satu daripada proses pembelajaran. Menurut Star (1997) seperti yang



dipetik di dalam Baharuddin Aris *et.al.* (2000), sesi pembelajaran yang disampaikan secara talian terus (*online*) menghasilkan peluang kepada pelajar untuk berinteraksi dengan guru, mengawal maklumat yang diproses oleh guru, memberi dan menerima maklum balas tentang pengetahuan yang disampaikan.

## 2.2 Definisi Pembelajaran Melalui Web

Perkembangan teknologi internet memberikan manfaat kepada para pendidik dalam menghasilkan pengajaran yang lebih efektif. Pembelajaran melalui web bertujuan bagi mempermudah penghantaran bahan pengajaran kepada pelajar tanpa terikat kepada faktor lain seperti masa.

Menurut Khan (1997) di dalam Baharuddin Aris *et.al.* (2000), pembelajaran melalui web adalah merupakan suatu bentuk pembelajaran berasaskan hipermedia yang dihimpun sebagai suatu sumber di dalam medium web untuk menghasilkan pembelajaran yang berkesan.

Pembelajaran melalui web merupakan suatu medium penghantaran maklumat yang terdiri daripada pelbagai jenis maklumat dan tajuk. Segala maklumat yang terdapat dalam web disusun berdasarkan pautan kod melalui sistem rangkaian dalam mempersembahkan pengetahuan.

Menurut Baharuddin Aris *et.al.* (2000), Clark (1996) mentakrifkan pembelajaran melalui web sebagai suatu bentuk pengajaran yang disampaikan kepada individu melalui rangkaian komputer dan dipaparkan melalui pelayar web. Pembelajaran melalui web juga merupakan pembelajaran secara talian terus (*online*) di mana bahan pengajaran yang disimpan di dalam komputer pelayan sentiasa boleh dikemaskini, diakses oleh komputer pelanggan dan isi kandungannya dikawal oleh pembangun.



## 2.3 Model Persekitaran Pembelajaran Melalui Web

Menurut Baharuddin Aris *et.al.* (2000), dalam menghasilkan suasana pembelajaran yang berkesan, ramai penyelidik telah mencadangkan model pembelajaran melalui web. Terdapat beberapa jenis model pembelajaran yang dicadangkan oleh beberapa orang penyelidik seperti Duchastel (1997).

### 2.3.1 Model Oleh Duchastel (1997)

Model yang dicadangkan oleh Duchastel (1997) adalah merupakan salah satu model pembelajaran berasaskan web bagi pengajaran di universiti. Beberapa ciri penting yang ditekankan dalam model tersebut merangkumi beberapa aspek seperti :-

#### a. Mengenalpasti Matlamat Pengajaran

Perspektif utama ciri adalah peranan pelajar yang bukan lagi menerima segala bentuk isi pengajaran (*content driven*) yang disampaikan oleh pensyarah tetapi terlibat dalam proses pembinaan pengetahuannya. Dalam persekitaran pembelajaran yang kaya dengan maklumat, pelajar membina pengetahuan melalui beberapa ciri penting dalam web seperti pencarian sumber maklumat untuk mencapai matlamat pengajaran

#### b. Menerima Kepelbagaian Hasil Pembelajaran

Model ini menekankan tentang kecenderungan pelajar menerima kepelbagaian hasil pembelajaran hasil interaksi sosial di antara satu sama lain dalam persekitaran pembelajaran melalui web.



### c. Menghasilkan Produk Pengetahuan

Model ini juga menekankan hasil pengetahuan pelajar dapat dimanfaatkan supaya ianya tidak hilang begitu sahaja. Produk pengetahuan perlu dihasilkan oleh pelajar dalam pembelajaran melalui web.

### d. Menilai Aras Tugas

Dalam aspek ini, penilaian bukan hanya diberi kepada pengetahuan pelajar tetapi merangkumi tugas-tugas yang dijalankan oleh pelajar bagi mendapatkan ilmu pengetahuan.

### e. Membina Kumpulan Pembelajaran

Dalam mengaplikasikan persekitaran pembelajaran yang berkesan, pelajar perlu didedahkan kepada aktiviti berkumpulan. Beberapa aktiviti seperti perbincangan maya, seminar yang dibimbing oleh pensyarah boleh dihasilkan dalam persekitaran pembelajaran web. Interaksi antara individu dalam kumpulan dapat menghasilkan suasana pembelajaran yang lebih berkesan.

### f. Menggalakkan Komuniti Secara Global

Pendedahan juga perlu diberikan kepada pelajar bukan hanya kepada pelajar dan pensyarah tetapi juga melibatkan pakar dari luar. Ini adalah penting dalam menghasilkan suasana pembelajaran dalam situasi sebenar.

Model cadangan Duschastel (1997), menekankan pembelajaran yang berpusatkan pelajar dalam mencapai matlamat pembelajaran. Peranan pensyarah bukan sebagai penyampai maklumat tetapi sebagai fasilitator yang membantu pelajar dalam mencapai matlamat pengajaran. Model ini juga menekankan proses kolaboratif sebagai



suatu aktiviti pembelajaran yang memberikan manfaat kepada pelajar dalam membina pengetahuan. Pengetahuan disampaikan secara terbuka di mana ianya boleh dikongsi bersama.

#### 2.4 Penggunaan Web Sebagai Medium Pengajaran dan Pembelajaran

Objektif utama dalam penggunaan laman web ialah untuk menyediakan keupayaan kepada pensyarah menjadi *facilitator* pembelajaran yang efektif dan mewujudkan suasana yang menggalakkan pelajar lebih inovatif dan kreatif dalam pembelajaran. Selain daripada penyediaan bahan-bahan kuliah dan tutorial dan penyampaian kuliah berasaskan atau melalui laman web, pensyarah juga dapat menggalakkan pelajar mencari ilmu, melibatkan diri dalam perbincangan akademik serta menyumbang ilmu di dunia *cyber*. Kaedah ini diharapkan akan menghasilkan bukan hanya graduan yang akan menjadi pekerja ilmu (*knowledge workers*) dan cerdas IT tetapi juga berdikari dan berani menghadapi sebarang cabaran dalam dunia era informasi.

Penggunaan web sebagai medium pengajaran dan pembelajaran amat luas digunakan memandangkan terdapatnya halaman-halaman web yang dibina khas untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Web juga mempunyai ciri-cirinya tersendiri yang berkesan dalam menjadikannya proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih bermakna. Berikut adalah ciri-ciri laman web sepertimana yang dinyatakan oleh Baharuddin Aris *et.al.* (2000) iaitu :-



**(i) Penglibatan aktif pelajar.**

Menurut Grabbinger (1996) di dalam Baharuddin Aris *et.al.* (2000), penglibatan aktif pelajar dalam pembelajaran adalah:

- a) Pelajar bertanggungjawab dan mempunyai inisiatif dalam pembelajaran sendiri dalam membentuk kemahiran
- b) Kaedah pembelajaran yang jelas dan refleksi terhadap proses pengajaran dan kemahiran metakognitif.
- c) Matlamat yang ditentukan, pembelajaran secara penyelesaian masalah dan pembelajaran secara berkumpulan.
- d) Guru sebagai fasilitator dan panduan, bukan sebagai sumber maklumat dan melibatkan perbincangan yang aktif di antara pelajar dan guru.
- e) Menghasilkan konteks pembelajaran yang tulen, melibatkan masalah sebenar.
- f) Strategi penilaian yang tulen dalam menilai kemahiran sebenar.
- g) Pembelajaran secara kooperatif.

Menurut Bostock (1997) di dalam Baharuddin Aris *et.al.* (2000), web bukan sahaja berperanan sebagai agen penyampai maklumat tetapi juga menghasilkan pelajar yang aktif. Pengalaman beliau menunjukkan bahawa beberapa pendekatan dijalankan bagi menghasilkan pelajar yang aktif dalam pembelajaran web. Ini termasuklah :

- a) Segala bentuk bahan pengajaran disimpan di dalam komputer pelayan tanpa melibatkan pengedaran bahan bercetak.

- b) Penilaian dijalankan pada tugas-tugas yang telah diberikan di mana penghantaran tugas melalui email/mel elektronik.
- c) Pelajar digalakkan belajar secara kooperatif dan kolaborasi semasa penyediaan tugas.
- d) Penggunaan *newsgroup* dalam sesi perbincangan.
- e) Pelajar dikehendaki membina peta konsep hasil daripada perbincangan dan laporan yang telah disediakan.

## (ii) Pembelajaran Kolaboratif

Pembelajaran kolaboratif atau pembelajaran secara berkumpulan merujuk sebagai kaedah pengajaran yang menggalakkan pelajar bekerjasama dalam tugas akademik serta melibatkan penyertaan aktif pelajar dalam pembelajaran. Apabila pelajar bekerja dalam kumpulan besar atau kumpulan kecil, interaksi dan aktiviti lebih melibatkan kepada pemikiran yang tinggi dan reflektif. Menurut Reeves dan Reeves (1997) seperti yang dipetik di dalam Baharuddin Aris *et.al.* (2000), kolaborasi bermaksud kaedah pengajaran di mana pelajar bekerjasama secara berpasangan atau dalam kumpulan kecil dalam mencapai matlamat pengajaran.

## (iii) Interaktiviti

Interaktiviti dalam persekitaran pembelajaran melalui web adalah proses interaksi antara pelajar dengan pelajar, pelajar dengan guru dan sumber maklumat yang terdapat dalam web. Ini termasuk proses komunikasi antara pelajar melalui sokongan, panduan dan maklumbalas yang diberikan. Selain dari itu kawalan pengguna juga merupakan suatu proses interaktiviti dalam web. Di dalam persekitaran pembelajaran

melalui web, proses interaktiviti dibahagikan kepada dua iaitu Kawalan Pengguna dan Komunikasi Antara Pelajar (CMC).

## 2.5 Kelebihan Web Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran


Sunil Hazari (1998) menyatakan bahawa model pembelajaran web mementingkan pengajaran berpusatkan pelajar (Hofstetfer, 1998). Pendidik hanya bertindak sebagai moderator yang bertanggungjawab dalam membantu pembelajaran. Teknologi web boleh digunakan untuk perbincangan kumpulan. Teks, grafik, audio, video dan pemindahan fail boleh dilaksanakan menggunakan e-mail, dalam format yang *asynchronous* dan medium ini mirip kepada pendekatan pembelajaran konstruktivis.

Sunil Hazari (1998), menambah bahawa kaedah pengajaran yang baru perlu diambilkira kerana web adalah medium pengajaran dan pembelajaran yang berlainan. Para akademik perlu menumpukan perhatian kepada teknik pedagogi yang bersesuaian. Bahan pengajaran dibangunkan melalui sistem grafik antaramuka (*interface*) web.

Oliver, R., Omari, A. dan Ring, J. (1998) menyatakan bahawa terdapat perkara yang menyumbang kepada aplikasi web yang bermakna sebagai bantuan dalam proses pembelajaran iaitu pencapaian maklumat, pembelajaran interaktif, jaringan komunikasi dan pembinaan maklumat. Fokus penggunaan web juga tidak hanya bertumpu sebagai penyediaan bahan malahan sebagai satu medium untuk pembelajaran secara kolaboratif dan interaktif. Peranan guru juga berubah apabila web diaplikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran di mana guru bertindak sebagai jurulatih dan memberi panduan kepada pelajar.

Davis, P.R. (2001) telah membuat kajian terhadap penggunaan WebCT sebagai medium pengajaran. Beliau mendapati pemberian tugas yang bersifat interaktif telah memberi kebaikan kepada pelajar. Antara kebaikan yang timbul ialah pelajar dapat mengakses ke laman web dan artikel berbentuk elektronik dan digunakan sebagai maklumat utama kepada tugas mereka, mudah mendapat maklumat tambahan, pembentukan perbincangan secara kumpulan dan dengan tutor dan kemudahan fleksibel.

Oliver, R., Herrington, J. & Omari Arshad (1996) mendapati bahawa terdapat faktor yang mempengaruhi keberkesanan web sebagai medium pengajaran dan pembelajaran. Rajah 2.1 menunjukkan elemen yang perlu wujud dalam persekitaran pembelajaran web yang berkesan.



**Rajah 2.1 : Elemen Dalam Persekitaran Pembelajaran Web Yang Berkesan**

Mereka juga merumuskan bahawa pembelajaran berasaskan web tidak hanya bergantung kepada kualiti bahan malahan cara bahan tersebut digunakan oleh pelajar adalah penting.

Perkembangan dalam teknologi maklumat dan telekomunikasi telah membawa perbagai perubahan termasuklah dalam bidang pendidikan. Semua individu yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam bidang pendidikan sedikit sebanyak perlulah bersedia dengan arus perkembangan teknologi ini agar mampu bergerak seiringan dalam dunia yang semakin mencabar ini. Sistem pendidikan meliputi semua aspek sama ada pengajaran dan pembelajaran, pengurusan dan pentadbiran dan sebagainya perlulah mengambil peluang untuk menggunakan segala kemudahan yang disediakan demi mempertingkatkan lagi kualiti kerja ke tahap yang diingini.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



## **BAB III**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.0 Pengenalan**

Dalam bab ini penyelidik menerangkan strategi dan kaedah pelaksanaan kajian yang telah dibuat. Beberapa aspek seperti reka bentuk kajian, sumber data, instrumentasi kajian, kaedah mengumpul data, kaedah untuk analisis data yang digunakan dalam kajian ini dan juga andaian pengkaji.

#### **3.1 Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian sebenarnya adalah satu perancangan yang membolehkan pengkaji menjalankan kajiannya (Syed Arabi Idid, 1992). Reka bentuk kajian yang



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUN HUSSEIN ONN AMINAH

dijalankan ialah kaedah tinjauan bermatlamat untuk mengumpulkan maklumat tentang pembolehubah-pembolehubah yang berkaitan dengan satu fenomena . Pengkaji telah menggunakan kaedah tinjauan dalam kajian yang berbentuk deskriptif di mana satu set soal selidik telah diedarkan kepada subjek kajian untuk dijawab. Subjek kajian diminta menjawab soal selidik tersebut secara individu. Hasil daripada pengedaran soal selidik telah dikumpulkan untuk mendapatkan data-data kajian yang diperlukan dan kemudian dianalisis.

Pengkaji menggunakan keadah ini dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat daripada sampel kajian mengenai perkara-perkara yang relevan dengan objektif-objektif kajian. Menurut Cohen dan Manion (1985), dalam Mohamad Najib Abdul Ghaffar (1999), kajian berbentuk tinjauan akan mengambil data dalam satu masa tertentu sahaja dan menggunakan soal selidik.

### 3.2 Sumber Data

Pengkaji memperolehi data daripada pelajar di Politeknik Johor Baharu. Seramai 65 orang pelajar yang mengambil subjek Pelancongan Rekreasi H310 di bawah Jabatan Hospitaliti dan Fesyen telah dipilih sebagai responden kajian.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

### 3.3 Instrumentasi

Kajian yang dijalankan ini menggunakan soal selidik sebagai instrumentasi kajian. Borang soal selidik sesuai digunakan bagi kajian yang melibatkan responden yang ramai dan dapat membantu responden mendapat gambaran tentang maklumat yang diperlukan dan memudahkan proses menganalisis data. Selain daripada itu, penggunaan soal selidik ini dapat memenuhi objektif kajian dengan baik asalkan ianya direka bentuk dengan sempurna. Bahasa yang digunakan mestilah jelas, tepat, mudah difahami dan memenuhi keperluan kajian.

Penggunaan soal selidik dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas yang diberikan oleh sampel kerana ia tidak dipengaruhi oleh pengkaji (Mohamad Najib Abdul Ghaffar, 1990). Penggunaan soal selidik biasanya digunakan dalam kaedah tinjauan dari data yang terkumpul membolehkan penyelidik membuat analisa yang logik. Soal selidik yang telah digunakan oleh pengkaji adalah berbentuk tertutup di mana responden dikehendaki memilih jawapan yang bersesuaian dengan mereka.

Borang soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu :-

#### 1. Bahagian 1

Bahagian ini mengandungi data-data peribadi responden yang difikirkan perlu bagi memenuhi objektif kajian. Antaranya ialah maklumat mengenai jantina, umur, keturunan dan juga tahap penguasaan teknologi maklumat.

**RUJUKAN**

Ahmad Esa (2001). "Etika Profesional Dalam Pengurusan Usahawan : Satu Analisis".  
Kajian Lapangan Seminar Kebangsaan Sosio-ekonomi dan IT, Alor Setar :  
Universiti Utara Malaysia

Ahmad Mahdzan Ayob (1997), "Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi", Edisi Kedua,  
Kuala Lumpur : Dewan Bahasan Dan Pustaka

Baharuddin Aris, Noraffandy Yahaya, Jamalludin Hj. Harun dan Zaidatun Tasir (2000),  
"Teknologi Pendidikan : Modul Pembelajaran", Johor :  
Universiti Teknologi Malaysia.

Baharuddin Aris, Mohamad Bilal Ali & Muhamad Kasim Basir (n.d). "Pembelajaran  
Fizik Secara Kolaboratif Menggunakan Laman Web dan Internet". Faculty of  
Education, Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia.

Retrieved 7 January 2002 on the World Wide Web :

<http://web.myvirtec.net/jurnal/admin/docs/Baharuddin2.doc>

Boone, R. and Higgins, K. (1991). "Hypertext/hypermedia Information Presentation:  
Developing a HyperCard Template". Educational Technology, February: 21-30.

Carmines, Edward G. and Zeller, Richard A. 1979, "Realibility and Validity  
Assesement". Beverly Hill : Sage Publication.

Crossman, D.M (1997). "The Evaluation Of The World Wide Web as an Emerging  
Instructional Technology Tool". Englewood Cliffs, NJ : Educational Technology  
Publications.



PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Davis, P.R (2001), "Teaching Learning Materials Developed Within A Web Publishing Environment."

Retrieved 18 June 2002 on the World Wide Web

<http://cleo.murdoch.edu.au/confs/tlf/tlf2001/davis.html>

Deobold B. Van Dalen terj.: Abdul Fatah Abdul Malik & Mohd Majid Konting (1993), "Penyelidikan Pendidikan", Edisi Keempat, Serdang : Universiti Pertanian Malaysia.

Greenwood D.A. "Web-Based Learning : Building An Online Course." A thesis submitted to the Information Networking Institute in Partial Fulfillment of the requirements for the Degree Master of Science in Information Networking.

Retrieved 18 June 2002 on the World Wide Web :

<http://www.danag.org/Thesis/thesis-paper.htm>

Jafari, A. (1999). The Rise of a New Paradigm Shift in Teaching and Learning. "The Journal", 27(3): 58-64.

Masreta Mohd Basri (2001), Kajian Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Melalui Teknologi Maklumat dan Multimedia (Kes Meninjau Tahap Penguasaan Pensyarah dan Penerimaan Pelajar Di Politeknik Shah Alam), Kolej Universiti Teknologi Tun Hussin Onn (KUiTTHO), (unpublished)

Md. Yusof Ayub (1993), " Penggunaan Teknologi Pendidikan Oleh Kakitangan Sumber Dalam Pengajaran." Universiti Kebangsaan Malaysia : Tesis Sarjana.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999), "Penyelidikan Pendidikan", Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Nawī Ab Rahman (2000), "Teras Penyelidikan", Serdang : Universiti Putra Malaysia



PTT AUTHM  
PERPUSTAKAAN TUN HUSSIN ONN AMINAH

- Mohd Salleh Abu & Zaidatun Tasir (2001), "Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer SPSS 10.0 for Windows", Kuala Lumpur : Venton Publishing
- Munir & Halimah Badioze Zaman (2000), "Aplikasi Multimedia dalam Pendidikan". Pemikir. Januari - Mac 2000.
- Nunan, T. (1996). "Different Approaches: Theory and Practice in Higher Education". Paper presented at the Higher Education Research and Development Society of Australia. Annual Conference, Perth, Western Australia, 8-12 July, 1996.
- Nunnally, J. (1978). "Psychometric Theory." New York : McGraw-Hill
- Oliver, R., Herrington, J. & Omari, A. (1996), "Creaating Effective Instructional Material For The World Wide Web."  
Retrieved 18 June 2002 on the World Wide Web  
<http://ausweb.scu.edu.au/aw96/educn/oliver/index.htm>
- Oliver, R., Omari, A., Ring, J. (1998). " Connecting & Enggaging Leaners with the WWW. " In Black, B. and Stanly, N. (Eds) Teaching & Learning in Changing Times 237-241. Proceedings of the 7<sup>th</sup> Annual Teaching Learning Forum, The University Of Western Australia, February 1998.  
Retrieved 18 June 2002 on the World Wide Web:  
<http://cleo.murdoch.edu.au/asu/pubs/tlf/tlf98/oliver.html>
- Ong Teck Seng (2000). "Tahap Penggunaan Internet Di Kalangan Guru-guru Sekolah Menengah Di Bahau , Negeri Sembilan." Universiti Putra Malaysia (unpublished)
- "Penggunaan Laman Web dalam Pengajaran dan Pembelajaran."  
Retrieved 7 January 2002 on the World Wide Web  
<http://www.hbp.usm.my/kualiti/PenggunaanLamanWeb.htm>



PTT AUTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Rashidi Azizan & Abdul Razak (1998), "Pengajaran Dalam Bilik Darjah : Kaedah & Strategi", Kajang: Masa Enterprise

Shahrom Noordin (1994), Sikap Pelajar Terhadap Kaedah Pengajaran Bermodul : Satu Kajian Rintis. "Jurnal Guru Kearah Pembinaan Budaya Ilmu". 6. 400-405

Squires, D. (1987). "Providing Computer-Based experience for Learning Physics".  
Physics Education, 22: 39-24.

Sulaiman Ngah Razali (1991), "Penggunaan Statistik Dalam Penyelidikan Pendidikan",  
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sunil Hazari (1998). "Evaluation & Selection Of Web Course Management Tools."  
Retrieved 18 June 2002 on the World Wide Web:  
<http://sunil.umd.edu/webct/>

Syed Arabi Idid (1992), "Kaedah penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial", Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tengku Zawawi bin Tengku Zainal (n.d), "Penggunaan Internet Dalam Pendidikan  
-Matematik."  
Retrieved on 7 January 2002 on the World Wide Web  
[http://jusni.tripod.com/penggunaan\\_internet.html](http://jusni.tripod.com/penggunaan_internet.html)



PTTA UTHM  
REPPUSTAKAAN TUN TUN AMINAH